

PEMIKIRAN BAHARU

Utusan Malaysia

11 FEBRUARI 2023



■ KUMPULAN murid Orang Asli etnik Jahut yang mempersesembahkan tarian sewang menyambut tetamu di Sekolah Kebangsaan Sungai Kiol, Jerantut, Pahang baru-baru ini. - UTUSAN /HARIS FADILAH AHMAD.

Murid Orang Asli etnik Jahut persesembahkan tarian sewang

SERAMAI 20 orang murid Orang Asli etnik Jahut mengambil bahagian mempersesembahkan tarian sewang sempena Program Profesional Guru Besar daerah Jerantut di Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Kiol, Jerantut baru-baru ini.

Guru Besar SK Sungai Kiol, Abd Manaf Mat berkata, persembahan tarian sewang antara kemenjadian bakat murid Orang Asli dalam bidang kesenian yang diwariskan oleh nenek moyang etnik Jahut

dan kerap dipersembahkan di hadapan tetamu luar khususnya menerima kunjungan seramai 30 orang Guru Besar sekitar Jerantut menghadiri program tersebut.

"Persembahan kesenian ini juga turut dibantu latihan dan mengenakan perhiasan kostum sewang oleh ibu bapa murid berkenaan sekali gus menarik perhatian tetamu dengan turut sama menari bagi memeriahkan lagi program tersebut," katanya di Sekolah Kebangsaan Sungai Kiol, Jerantut baru-baru ini.